

21 OCT 1997

Kamus

KAMUS ELEKTRONIK BAHASA MELAYU DILANCAR DISEMBER

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan sebuah kamus elektronik Bahasa Melayu pertama di dunia yang mempunyai fungsi seperti sebuah komputer.

Ketua Pengarahnya A. Aziz Deraman berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan kamus itu yang diberi nama "Bestari DBP-1" di Pusat Dagangan Dunia Putra pada Disember ini.

Kamus sebesar telapak tangan itu adalah hasil kerjasama DBP dan Inventec Coporation, sebuah syarikat antarabangsa dari Taiwan, dan Maprint Sdn Bhd, katanya pada majlis memperkenalkan kamus itu.

Maprint menguruskan pemasaran dan pelesenan manakala Inventec Corporation yang mempunyai cawangan di Pulau Pinang bertanggungjawab menguruskan teknologi penerbitan.

"Kamus itu adalah produk pertama di dunia yang memasukkan semua perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris supaya pengguna mudah mencari takrif dan erti sesuatu perkataan," katanya.

Kamus eletronik itu mengandungi 23,000 kata masukan dari "Kamus Inggeris Melayu Dewan" dan 70,000 kata masukan dari "Kamus Dewan" edisi ketiga, terbitan DBP. Ia juga mengandungi 713 contoh ayat dan 2,250 patah perkataan praktis kata nama.

"Dengan adanya kamus ini yang mengikut rekaan komputer dan dilengkapi dengan CD-Rom, orang asing boleh mempelajari bahasa Melayu dengan mudah kerana ia boleh membunyikan bahasa Melayu mengikut sebutan baku," katanya.

Aziz berkata harga kamus itu belum ditetapkan tetapi ianya tidak melebihi RM1,000.

Kamus itu mempunyai 24 fungsi termasuk sebagai alat kira, memo, jadual, diari, waktu dunia, takwim Hijrah dan Masihi sehingga 2020. Ia juga mengandungi perkataan sama erti, peribahasa, kata terbitan awalan dan akhiran.

Aziz berkata penerbitan kamus "Bestari DBP-1" dapat membantu merealisasikan visi Kementerian Pendidikan untuk menjadikan semua sekolah pada tahun 2010 sebagai Sekolah Bestari.--BERNAMA

CGT mai